

IHSAN SEBAGAI DIMENSI SPIRITUAL DALAM ISLAM: SATU TINJAUAN ANALITIS

IHSAN AS A SPIRITUAL DIMENSION IN ISLAM: AN ANALYTICAL REVIEW

Maryam Zulaikha Ramlan¹

Nozira Salleh²

Mohd Haidhar Kamarzaman³

Wan Fariza Alyati Wan Zakaria^{4*}

¹ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: P110075@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: aziera@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: haidhar@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: aufaa@ukm.edu.my)

*Corresponding author: aufaa@ukm.edu.my

Article history

Received date : 3-4-2026

Revised date : 4-4-2026

Accepted date : 24-4-2026

Published date : 15-5-2026

To cite this document:

Ramlan, M. Z., Salleh, N., Kamarzaman, M. H., & Wan Zakaria, W. F. A. (2026). Ihsan sebagai dimensi spiritual dalam Islam: Satu tinjauan analitis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 276-288.

Abstrak: Konsep ihsan merupakan satu daripada dimensi terpenting dalam Islam yang menekankan penghayatan spiritual yang tinggi dalam hubungan manusia dengan Allah SWT serta sesama makhluk. Namun begitu, dalam konteks masyarakat kontemporari, penghayatan terhadap ihsan sering diabaikan kerana kurang memahami kedalaman dimensi rohani dan kaedah pencapaiannya. Hal ini menimbulkan kekosongan nilai kefahaman dalam memahami hakikat konsep ihsan yang sebenar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep ihsan sebagai dimensi spiritual dalam Islam dengan meneliti definisi, pembahagian serta pendekatan dalam mencapainya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap sumber-sumber primer dan sekunder, termasuk al-Quran, hadith serta karya-karya ulama klasik dan kontemporari berkaitan dengan tajuk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ihsan merangkumi dua dimensi utama, iaitu hubungan dengan Allah SWT melalui ibadah yang ikhlas dan penuh kesedaran (muraqabah), serta hubungan sesama makhluk melalui pengamalan akhlak mulia dan penunaian hak-hak sosial. Kajian ini juga mendapati pencapaian ihsan memerlukan proses tazkiyyat al-nafs yang berterusan melalui amalan seperti mujahadah, muraqabah dan muhasabah.

Kata Kunci: Ihsan; Islam; Akhlak; Spiritual; Tazkiyyat al-Nafs

Abstract: *The concept of ihsan constitutes one of the most significant dimensions in Islam, emphasising profound spiritual consciousness in the relationship between human beings and Allah SWT, as well as with fellow creatures. Nevertheless, within the context of contemporary society, the appreciation and practice of ihsan are often neglected due to a limited understanding of its profound spiritual dimensions and the methods through which it may be attained. This condition has resulted in a vacuum of values and understanding regarding the true essence of the concept of ihsan. In this regard, the present study aims to analyse the concept of ihsan as a spiritual dimension in Islam by examining its definitions, classifications, and approaches towards its attainment. This study employs a qualitative approach through content analysis of primary and secondary sources, including the Qur'an, hadith, and the works of classical and contemporary Muslim scholars related to the subject matter. The findings reveal that ihsan encompasses two principal dimensions: the relationship with Allah SWT through sincere worship performed with full spiritual awareness (muraqabah), and the relationship with fellow human beings through the practice of noble moral conduct and the fulfilment of social responsibilities. The study further finds that the attainment of ihsan requires a continuous process of tazkiyyat al-nafs through practices such as mujahadah, muraqabah, and muhasabah.*

Keywords: *Ihsan; Islam; Morality; Spirituality; Tazkiyyat al-Nafs*

Pengenalan

Konsep ihsan merupakan satu daripada dimensi teras dalam ajaran Islam yang melengkapkan kerangka iman dan Islam sebagaimana yang dijelaskan dalam hadith Jibril. Ihsan merujuk kepada penghayatan tertinggi dalam beragama, iaitu beribadah kepada Allah SWT seolah-olah melihat-Nya, dan jika tidak mampu, menyedari bahawa Allah SWT sentiasa melihat hamba-Nya. Konsep ini bukan sahaja menekankan aspek *ḥabl min Allāh* (hubungan manusia dengan Allah SWT), bahkan turut merangkumi *ḥabl min al-nās* (hubungan sesama manusia) melalui pembentukan akhlak yang luhur dan tingkah laku yang beretika. Dalam konteks perbincangan ilmiah, ihsan sering dikaitkan dengan disiplin tasawuf yang menumpukan kepada proses *tazkiyyat al-nafs* (penyucian jiwa) dan pembinaan kesedaran rohani. Para ulama seperti Imam al-Ghazālī menegaskan ihsan merupakan asas kepada pembentukan insan yang seimbang, tidak hanya menekankan aspek luaran amalan, tetapi juga dimensi dalaman seperti keikhlasan, muraqabah dan muhasabah. Justeru, ihsan berfungsi sebagai elemen penting dalam membentuk keperibadian Muslim yang holistik dan berintegriti.

Walau bagaimanapun, dalam realiti masyarakat kontemporari, penghayatan terhadap konsep ihsan dilihat semakin terpinggir dan sering disempitkan kepada aspek ritual semata-mata tanpa penghayatan nilai spiritual yang mendalam. Fenomena ini membawa kepada berlakunya jurang antara amalan zahir dengan pembentukan akhlak, dengan individu tersebut mungkin menunaikan ibadah, namun masih berdepan dengan krisis nilai seperti ketidakjujuran, kelemahan integriti dan kemerosotan akhlak. Keadaan ini menunjukkan dimensi ihsan belum difahami dan diintegrasikan secara menyeluruh dalam kehidupan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dimensi ihsan dalam Islam sebagai teras pembinaan insan melalui pendekatan konseptual. Penelitian ini diharapkan dapat memperjelaskan peranan ihsan dalam membentuk keseimbangan antara aspek spiritual, emosi dan sosial, serta menyumbang kepada pembangunan insan yang berteraskan nilai-nilai Islam secara holistik

Definisi Ihsan

Daripada aspek etimologi atau perbincangan daripada sudut bahasa, perkataan ihsan berasal dari perkataan bahasa Arab *ihsānan* (إِحْسَانًا), yang tersusun dari huruf *alif* (ا) *ha* (ح) *sin* (س) dan *nun* (ن). Kata ini adalah bersifat *masdar* iaitu kata terbitan yang berasal dari lafaz *aḥsana* (أَحْسَنَ), *yuḥsinu* (يُحْسِنُ), *ihsānan* (إِحْسَانًا) (Ahmad et al., 2022). Kata ihsan dalam bahasa Arab berasal dari kata kerja (فعل), iaitu *aḥsana* (أَحْسَنَ) - *yuḥsinu* (يُحْسِنُ) - *ihsānan* (إِحْسَانًا) (Salamullah, 2009). Justeru, ihsan berasal dari *ihsānan* (إِحْسَانًا), yang tersusun dari huruf *alif* (ا) *ha* (ح) *sin* (س) dan *nun* (ن). Kata ini adalah *masdar* (مصدر) yang berasal dari lafaz *aḥsana* (أَحْسَنَ) - *yuḥsinu* (يُحْسِنُ) - *ihsānan* (إِحْسَانًا) (Munawwir, 1997). Menurut al-Baqi (1981) pula, ihsan berasal dari huruf *alif* (ا) *ha* (ح) *sin* (س) dan *nun* (ن) iaitu *aḥsan* (أَحْسَن). Ihsan di sini tidak semata-mata sebagai perintah tetapi juga sebagai *masdar* yang menunjukkan pada sesuatu yang tetap dan berkesinambungan. Dengan demikian, perkataan ihsan dalam al-Quran menunjukkan keharusan untuk berbuat ihsan secara berterusan (Firdaus, 2011). Pamungkas (2019) pula berpandangan kata ihsan berasal daripada *ḥasuna* (حَسُنَ) yang pandangannya turut dipersetujui oleh al-Baqi. Menurut al-Baqi (1981) lagi, lafaz dari huruf *alif*, *ha*, *sin* dan *nun* (ا ح ا ن) ini, selain menghasilkan istilah ihsan beserta terbitannya, juga dihasilkan pula istilah *ḥasuna* beserta terbitannya. Pandangan Pamungkas dan al-Baqi disimpulkan oleh Wahid (2016) yang mengatakan walaupun *aḥsana* (أَحْسَنَ) dan *ḥasuna* (حَسُنَ) memiliki makna umum yang serupa, hanya *aḥsana* (أَحْسَنَ) yang berkonotasi ihsan.

Lafaz *ḥasuna* (حَسُنَ) dan terbitannya secara etimologi juga diertikan sebagai ‘baik’. Akan tetapi, penempatan dan pemaknaannya berbeza konteks dengan ihsan itu sendiri. Ini disebabkan oleh lafaz ihsan memiliki makna yang lebih sempit dari lafaz *ḥasuna* (حَسُنَ). Oleh itu, pembahasan mengenai lafaz *ihsān* (إِحْسَان), dan *ḥasuna* (حَسُنَ) pun perlu dibezakan. Lafaz *ḥasuna* (حَسُنَ) dan terbitannya dalam al-Quran disebutkan sebanyak 86 kali (Wahid, 2016). Menurut al-‘Asqalani (1997) pula, perkataan ihsan bermaksud kebaikan, lebih bagus, lebih bermanfaat, lebih indah dan juga kesenangan. Manakala Munawwir (1997) mentakrifkan ihsan sebagai memperbaiki atau menjadikan sesuatu itu baik. Ahmad et al. (2022) pula berpandangan kalimah ihsan yang ditemukan dalam al-Quran bermakna berbuat baik. Ihsan juga bererti perbuatan baik, berbuat atau menegakkan sesuatu yang baik atau indah (Salamullah, 2009). Menurut Ibn Manzur (1992), ihsan bermaksud lebih indah, kesenangan dan menjadikan baik. Ihsan menurut Hamka (1984) pula bererti selalu baik dan memperbaiki, selalu berbuat kebajikan membuat yang lebih elok dan lebih baik, untuk diri dan orang lain. Istilah ihsan pada ayat-ayat tertentu dalam al-Quran memiliki fungsi sebagai perintah. Ihsan bererti *aḥsin* iaitu berbuat baik (Firdaus, 2011). Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas, ayat 77: *وَأَحْسِن كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ*, yang mafhumnya: “Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu”.

Al-Baqi (1981) dalam buku, *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qurān*, menegaskan perkataan *al-ihsān* dalam al-Quran didatangkan dengan pelbagai sifat dan bentuk kata dan disebut secara berulang-ulang. Pengulangan sebutan perkataan ihsan dalam al-Quran didapati sebanyak 211 kali daripada pelbagai ayat dan surah. Pandangan al-Baqi (1981) adalah berbeza dengan pandangan Wahid (2016) yang mengatakan bahawa dalam al-Quran, kata ihsan bersama dengan pelbagai terbitan dan kata jadinya disebutkan secara berulang-ulang. Penyebutan tersebut terdapat sebanyak 108 kali yang disebut dalam 101 ayat dan pada 36 surah. Ertinya, dari 114 surat yang terdapat dalam al-Quran, kekerapan munculnya istilah ihsan dan terbitannya hingga mencapai 31.58 %.

Pamungkas (2019) turut mempunyai pandangan yang berbeza tentang jumlah ayat yang membahas tentang ihsan dalam al-Quran. Menurut beliau, majoriti ulama sepakat mengatakan

bahawa dalam al-Quran terdapat 141 ayat yang membahas tentangnya, begitu juga dengan Kamali (2021) yang mengatakan istilah ihsan dan terbitannya disebutkan 190 kali dalam al-Quran. Ihsan atau berbuat kebaikan merupakan antonim bagi perkataan *isa'ah* atau berbuat keburukan (Ahmad et al., 2022). Kata ihsan apabila dinisbatkan kepada peribadatan kepada Allah merupakan kebalikan daripada kata *ghaflah* (غفلة) iaitu lalai dalam merasakan diawasi oleh Allah SWT yang menatijahkan orang Islam tidak dapat mengendalikan tingkah laku mereka kerana tidak merasakan pengawasan Allah SWT.

Secara mudahnya, konsep ihsan dapat dikategorikan kepada beberapa dimensi utama yang bersifat holistik. Pertama, ihsan dilihat sebagai konsep akhlak yang merujuk kepada perbuatan kebaikan dan menjadi antonim kepada *isa'ah* (keburukan), sekali gus menekankan kepentingan etika dan tingkah laku yang baik dalam kehidupan seharian (Ahmad et al., 2022). Selain itu, ihsan juga difahami dalam kerangka tasawuf sebagai proses *tazkiyyat al-nafs* (penyucian jiwa), iaitu usaha menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji dan membersihkan hati daripada sifat tercela, malah menurut al-Nadwi (1996), ihsan merupakan nama lain bagi tasawuf itu sendiri.

Seterusnya, ihsan turut dikaitkan dengan dimensi ibadah sebagai maqam spiritual tertinggi, sebagaimana yang dijelaskan dalam Hadith Jibril, iaitu menyembah Allah SWT seolah-olah melihat-Nya atau sekurang-kurangnya merasakan bahawa Allah SWT sentiasa melihat dirinya, yang menggambarkan konsep *muraqabah* sebagai lawan kepada *ghaflah* (al-Nawawi, 1972). Dimensi ini membentuk kesedaran dalaman yang tinggi dalam diri seorang Muslim sehingga mempengaruhi setiap tindakan dan keputusan. Di samping itu, ihsan juga merangkumi aspek profesionalisme dan budaya kerja berkualiti, dengan setiap amalan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya tanpa kecacatan, selaras dengan sifat kesempurnaan ciptaan Allah SWT (Mesran & Jakaria, 2019). Dari sudut teologi, ihsan berkait rapat dengan sifat ketuhanan, dengan Allah SWT digambarkan sebagai *al-Muhsin*, dan manusia dianjurkan untuk mencontohi sifat-sifat tersebut seperti pemurah, penyayang dan pemaaf mengikut kemampuan mereka (Murata & Chittick, 1997). Dalam masa yang sama, ihsan turut membawa dimensi estetika, iaitu keindahan zahir dan batin yang mencerminkan kesempurnaan akidah dan amalan seseorang, selaras dengan prinsip bahawa Allah SWT menyukai keindahan (Kamali, 2021).

Selanjutnya, ihsan juga difahami sebagai kesedaran berterusan terhadap pengawasan Allah SWT yang mendorong individu untuk sentiasa berhati-hati dalam setiap perbuatan yang dilakukan (Murata & Chittick, 1997). Kemudian, konsep ihsan boleh dilihat dalam bentuk hierarki spiritual yang merangkumi beberapa tingkatan, bermula daripada melakukan kebaikan secara zahir, diikuti dengan penghayatan ibadah secara penuh kesedaran, dan akhirnya mencapai tahap sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan (Pamungkas, 2019). Akhir sekali, ihsan juga berkait dengan fitrah manusia, iaitu kecenderungan semula jadi untuk melakukan kebaikan, yang akan dipermudahkan apabila seseorang itu mendapat petunjuk daripada Allah SWT. Secara keseluruhannya, ihsan merupakan satu konsep komprehensif yang merangkumi dimensi akhlak, spiritual, ibadah, sosial dan psikologi dalam membentuk insan yang seimbang menurut perspektif Islam.

Definisi ihsan secara literal bermaksud kecemerlangan dan kecantikan dalam watak dan keadaan rohani seseorang. Ihsan selalunya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Tinggi yang menyukai keindahan dan juga mengharapkan orang yang beriman untuk menjadi seorang *muhsin*, seorang yang berterusan dalam ihsan. Ihsan memanifestasikan kehadirannya melalui etika, adab yang baik, akhlak dan tasawuf. Tasawuf memupuk rasa syukur kepada Tuhan, menjauhkan diri daripada kejahatan, kebebasan daripada keegoan dan akhirnya keselamatan.

Manusia yang sempurna ialah yang mencantikkan bukan sahaja luaran, tetapi juga dalaman. Dalam erti kata lain, kedua-dua akidah dan amalan Islam harus indah. Dalam sebuah hadith, dinyatakan bahawa, “Allah telah menetapkan ihsan dalam segala sesuatu” (Riwayat Muslim, no. 1955). Oleh itu, penting bagi orang beriman untuk membezakan tindakan yang baik dan beretika dalam setiap keadaan dan mengamalkannya. Ihsan juga dapat difahami sebagai kewajipan moral bagi umat Islam untuk berbuat baik kepada sesama manusia serta berinteraksi dengan cara yang terbaik dan penuh keindahan. Konsep ihsan tidak terbatas kepada aspek ibadah semata-mata, bahkan merangkumi seluruh aktiviti kehidupan seorang Muslim. Dalam konteks semasa, pengamalan ihsan amat penting dalam hubungan sesama manusia, sama ada dengan Muslim mahupun bukan Muslim, sebagai jiran, warga negara dan sesama insan. Nilai ini menjadi asas kepada kerjasama kolektif dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, isu alam sekitar dan pandemik COVID-19 (Kamali, 2021).

Justeru, Pamungkas (2019) menyenaraikan kepelbagaian definisi ihsan, yang menurutnya, ihsan sebenarnya memiliki tiga tingkatan, iaitu yang pertama ihsan bermaksud membuat kebaikan yang telah semestinya dikerjakan yang berkaitan harta, kata-kata, tindakan dan segenap keadaan. Kedua, ihsan bermaksud beribadah dengan penuh kehadiran dan kesedaran, seperti seseorang yang benar-benar melihat Tuhannya. Ihsan yang ketiga bermaksud merenungkan dan memikirkan Allah dalam semua sesuatu dan setiap saat.

Tindakan memperingatkan diri bahawa Allah SWT senantiasa hadir dan mengawasi akan menyebabkan manusia berfikir sebelum bertindak. Sungguhpun mereka tidak dapat melihat Allah, mereka wajar terus menjaga kesedaran dalam hatinya bahawa Allah SWT wujud dan mengawasinya. Manusia harus sedar bahawa Allah SWT mengetahui setiap saat hingga hal terkecil pun dari ibadah dan keyakinan mereka (Murata & Chittick, 1997). Ihsan juga menyebabkan perilaku seseorang sesuai dengan aturan Allah SWT. Seseorang yang sikap menghayati ihsan juga akan mengerjakan kebaikan kerana mahu Allah SWT memandangnya dengan pandangan rahmat. Oleh itu, kajian merumuskan perkataan ihsan yang disebutkan banyak kali dalam al-Quran dan hadith menandakan kepentingan nilai ini dalam kehidupan manusia.

Pembahagian Ihsan

Konsep ihsan merangkumi dua dimensi utama dalam kehidupan seorang Muslim yang saling melengkapi antara hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama makhluk. Pertama, ihsan dalam beribadah kepada Allah SWT merujuk kepada tahap penghayatan spiritual yang tinggi, iaitu seseorang beribadah seolah-olah dia melihat Allah SWT, dan jika tidak mampu mencapai tahap tersebut, maka dia meyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihatnya. Dimensi ini menuntut keikhlasan, *muraqabah* (kesedaran batin) serta ketelitian dalam melaksanakan setiap ibadah agar ia dilakukan dengan penuh kesungguhan, khusyuk dan bebas daripada *riya'* atau kelalaian. Kedua, ihsan dalam memenuhi keperluan sesama makhluk pula merujuk kepada pengamalan nilai kebaikan dalam hubungan sosial dengan menunaikan hak-hak manusia dan makhluk lain secara adil dan beradab. Ini termasuk bersikap jujur, amanah, bertolak ansur, membantu mereka yang memerlukan serta menghindari sebarang bentuk kezaliman dan kemudaratan. Justeru, ihsan dalam dimensi ini mencerminkan keindahan akhlak Islam yang menzahirkan kesempurnaan iman melalui tindakan dan interaksi sosial. Gabungan kedua-dua aspek ini menjadikan ihsan sebagai asas penting dalam pembinaan keperibadian Muslim yang seimbang antara hubungan dengan Pencipta dan tanggungjawab terhadap makhluk (Ahmad et al., 2022).

Selanjutnya, Shaykh ‘Abdurrahman al-Sa’dirah seperti yang dipetik oleh Mianoki (2010) menjelaskan ihsan ada dua jenis, melibatkan hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan sesama makhluk. Ihsan dalam hadith Jibril menerangkan tentang cara beribadah kepada Allah SWT, manakala ihsan dalam al-Quran menerangkan tentang kewajiban berbuat baik kepada kedua ibu bapa, anak yatim, jiran tetangga dan sebagainya. Ihsan dalam menyembah Allah SWT bermaksud menyembah Allah SWT seakan-akan melihatnya atau merasa diawasi olehnya. Keadaan ini membawa kepada perbuatan ikhlas dalam beribadah manakala ihsan terhadap sesama manusia ialah menunaikan hak mereka dan memberikan mereka kebaikan. Menurut Aini (2018), ihsan yang dihayati seseorang menatijahkan mereka tunduk, patuh dan taat kepada Tuhannya. Keihsanan dalam pengertian agama membawa makna walaupun seseorang Muslim itu tidak melihat Allah SWT tetapi Allah SWT melihat dan mengetahui apa yang mereka lakukan dalam kehidupan harian.

Ihsan iaitu beribadah hanya kepada Allah SWT dengan disertai ikhlas dan khushyuk dan berkonsentrasi untuk taat kepadanya. Ihsan dalam ibadah juga adalah dengan melaksanakan semua jenis ibadah dengan cara yang benar iaitu menyempurnakan syarat, rukun, sunnah dan adabnya, sebagaimana kata Imam al-Qushayri bahawa ihsan juga bermaksud tidak pernah mengurangi kewajiban, selalu melaksanakan yang sunnah dan menegakkan yang hak (al-Qushayri t.th). Ihsan kepada Allah SWT menurut Ibn ‘Abbas ialah ikhlas dalam bertauhid (al-Baghawi, 1997). Takrifan ini turut disepakati oleh Masroom et al. (2013) yang menyatakan pengertian ihsan seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi hadis Abu Hurayrah ini, iaitu seseorang menyembah Allah SWT seolah-olah dia melihatnya. Sekiranya dia tidak berupaya untuk melihat Allah SWT, lantas sesungguhnya Allah SWT melihat segala amal perbuatannya. Menyembah Allah SWT bererti mengabdikan diri kepadanya dengan ibadah menurut kaedah dan cara yang sebaik-baiknya sama ada pada zahir (perbuatan lahiriah) atau batin iaitu ikhlas pada niat. Keihsanan dalam melakukan sedekah dan amal seperti tangan yang memberi, tangan kiri tidak mengetahui. Amal tersebut memperlihatkan adanya sifat ikhlas (Aini, 2018).

Al-Mubarakfuri (1995) dalam karyanya, *al-Tuhfah* berkata pengertian ihsan yang pertama menurut al-Quran adalah melakukan ibadah dengan baik, sedangkan makna yang kedua merangkumi orang yang ikhlas beribadah. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’, ayat 25:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا ۗ وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا

Mafhumnya: Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang dengan ikhlas berserah diri kepada Allah, dan dia (juga) mengerjakan kebaikan dan mengikuti agama Ibrahim yang lurus? Dan Allah telah memilih Ibrahim menjadi kesayangan-(Nya) (Surah al-Nisa’: 125).

Sikap ikhlas ini menjadi salah satu nilai terpenting dalam ajaran Islam setelah tauhid. Ikhlas juga merupakan roh setiap amal dan hanya amal kebajikan yang dilaksanakan dengan ikhlas yang akan diterima oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah, ayat 25:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Mafhumnya: Padahal mereka hanya diperintah menyembah Allah, dengan ikhlas mentaati-Nya, semata-mata kerana (menjalankan) agama (Surah al-Bayyinah: 25)

Al-Sindi (1986) menyebutkan dalam *Sharh Sunan al-Nasa'i*, ihsan ialah menjaga hati agar selalu khusyuk dan tunduk dalam beribadah seolah-olah sedang melihat Allah SWT. Namun begitu, setiap manusia mempunyai penyakit hati. Oleh kerana itu, al-Ghazali (1998) menggesa rawatan untuk mengubat masalah-masalah hati mesti disegerakan kerana jika ditangguhkan, penyakit atau masalah yang ada akan bertambah dan menjadi bertindih atau berlapis-lapis. Akhlak yang lurus merupakan manifestasi daripada jiwa rohani yang sihat (al-Ghazali, 1998). Kelemahan dari sudut akhlak (penyelewengan akhlak) merupakan kesan daripada penyakit hati.

Daripada penjelasan-penjelasan tersebut, jelaslah ihsan kepada Allah SWT diwujudkan dengan cara mengesakan-Nya, ikhlas beribadah hanya kepada-Nya, menjauhi semua perbuatan syirik serta menjauhkan diri daripada sifat riyak kerana hanya amal perbuatan yang dilakukan dengan ikhlas akan memberikan mereka ganjaran. Sekiranya tidak dilakukan dengan ikhlas, amal itu akan tertolak, dan penolakan itu menyebabkan mereka tidak mendapat pahala. Manakala ihsan kepada makhluk menurut al-Sughayyir (2009) terbahagi kepada sembilan bahagian, iaitu ihsan kepada kedua orang tua, ihsan antara suami isteri, ihsan kepada anak-anak, ihsan kepada kerabat, ihsan kepada jiran tetangga, ihsan kepada orang bukan Islam, ihsan kepada haiwan dan ihsan kepada benda-benda mati. Perintah berbuat ihsan kepada kedua orang tua ditemukan dalam al-Quran surah al-Isrā', ayat 23:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Mafhumnya: Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya (Surah al-Isra': 23).

Kedudukan ihsan kepada ibu bapa menduduki urutan kedua setelah mentauhidkan Allah SWT. Al-Sughayyir (2009) memperincikan maksud ihsan kepada ibu bapa iaitu mentaati mereka selagi tidak melanggar prinsip-prinsip asas dalam ajaran Islam kerana perintah menyembah Allah dan larangan menyekutukan-Nya diletakkan terlebih dahulu sebelum perintah berbuat baik kepada kedua orang tua disebabkan penyembahan mutlak semata-mata hanya kepada Allah SWT (Firdaus, 2011). Allah SWT memerintahkan anak-anak untuk berbuat baik kepada kedua orang tua disebabkan orang tua merupakan perantara atau penyebab bagi kehadiran manusia di muka bumi sehingga Nabi Muhammad SAW menetapkan perbuatan derhaka kepada kedua-dua orang tua sebagai dosa besar sebagaimana dosa syirik, membunuh jiwa dan sumpah palsu. Disebabkan itu, anak-anak diperintahkan selalu memberi kebaikan serta menjauhi mereka daripada kesusahan serta mendoakan dan memohon keampunan buat mereka berdua (al-Sughayyir 2009).

Ayat ke-23 daripada surah al-Isrā' ini juga menjelaskan tentang perintah berbuat ihsan kepada kedua orang tua dan menghuraikan tentang kewajipan untuk mengurus dan memelihara mereka di saat mereka tua. Kemudian larangan mengucapkan pelbagai kata yang menyinggung dan menyakiti perasaan mereka baik itu berupa kata-kata ringan seperti 'ah' mahupun kata-kata yang berat kerana ia memberi kesan psikologi yang negatif terhadap perasaan mereka (Firdaus, 2011). Tuntutan melakukan ihsan kepada kedua-dua ibu bapa telah dimuatkan dalam surah an-Nisā', ayat 23:

إِذَا يَبْتَغْنَ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٌ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: Jika seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan ‘ah’, dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Justeru, tidak hairanlah kedudukan ihsan kepada ibu bapa menduduki urutan kedua setelah mentauhidkan Allah SWT kerana jika ibu bapa reda kepada anaknya maka Allah SWT akan reda kepadanya, sebaliknya jika ibu bapanya berkecil hati atau marah kepada anaknya maka Allah SWT juga akan murka kepada anak tersebut (Surah al-Nisa’: 23).

Ihsan kepada sahabat karib dan kaum kerabat adalah dengan berbuat baik dan berlemah lembut kepada mereka serta melakukan perkara yang menyenangkan serta menjauhkan segala perbuatan yang menyulitkan mereka. Tuntutan melakukan ihsan kepada sahabat karib dan kaum kerabat telah dimuatkan dalam Surah al-Nisa’, ayat 36, sebagaimana berikut:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksudnya: Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan diri (Surah al-Nisa’: 36).

Tuntutan berbuat baik kepada sahabat karib adalah disebabkan mereka merupakan orang yang sangat rapat dengan seseorang itu walaupun tidak memiliki hubungan darah atau keluarga. Sahabat ialah seorang yang sangat dipercayai, penyimpan aib dan rahsia dari pengetahuan orang lain. Sahabat dalam Islam adalah mereka yang saling mengingatkan kepada Allah SWT, menegur ketika salah. Manusia dituntut untuk sentiasa berdamping dengan sahabat yang soleh atau alim agar sifat atau perkara yang ada pada diri mereka itu terkesan kepada diri mereka juga. Manakala perintah berbuat baik kepada kaum kerabat adalah disebabkan kaum kerabat adalah insan yang paling hampir dengan seseorang itu seperti kata pepatah, ‘air dicincang tidak akan putus’ yang membawa maksud perselisihan antara adik-beradik tidak akan kekal lama dan akhirnya akan berbaik semula. Tambahan pula, kebanyakan urusan dalam kehidupan manusia banyak melibatkan penglibatan mereka yang sedarah dan sedaging dengan mereka seperti dalam urusan pernikahan dan faraid.

Seterusnya, al-Sughayyir (2009) memperincikan lagi maksud ihsan kepada anak yatim iaitu dengan memelihara hak-hak dan harta mereka seperti memberi pendidikan, kasih sayang dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam Surah al-‘An’ām, ayat 152:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ

Maksudnya: Dan janganlah kamu mendekati (mengguna atau membelanja) harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat hingga dia dewasa (Surah al-‘An’ām: 152).

Surah al-Nisā’ ayat ke-36 juga memerintahkan agar berlaku ihsan kepada jiran dekat atau jauh sekiranya mengetahui bahawa ada jiran yang kelaparan dengan memberi mereka makan. Berbuat baik dan menjaga hubungan silaturrahim dengan jiran tetangga itu adalah sangat

penting. Ini kerana jiran itu umpama saudara yang dekat dan berada pada kedudukan yang paling mudah untuk seseorang itu saling bantu-membantu. Manakala ihsan kepada *ibn sabil* dengan cara memenuhi keperluan mereka, menjaga harta serta kehormatan mereka, kemudian ihsan terhadap hamba atau pembantu atau pelayan dilakukan dengan cara membayar gajinya mengikut perjanjian dan tidak membebaninya dengan sesuatu yang mereka tidak sanggup untuk melakukannya. Firdaus (2011) menambah bahawa ihsan kepada kedua-dua kelompok ini juga adalah dengan tidak sombong dan membanggakan diri. Ianya juga termasuk dengan mengajak duduk dan makan bersama ketika mereka selesai menghidangkan makanan kepada tuan mereka dan jika makanan itu hanya sedikit maka, memadai dengan memberikan sekadar yang ada.

Akhir sekali, ihsan kepada haiwan iaitu apabila hendak membunuh, lantas bunuh dengan cara yang baik, apabila hendak menyembelih haiwan, maka sembelih dengan cara yang baik, iaitu dengan menajamkan pisau dan hendaklah membuat haiwan tersebut merasa selesa. Daging haiwan seperti lembu merupakan sumber makanan, susunya menjadi minuman, kulitnya menjadi pakaian bahkan lembu itu boleh menjadi kenderaan untuk segala urusan manusia. Oleh itu, dalam hubungan manusia dengan haiwan mempunyai hak yang wajib ditunaikan termasuk memberi makan dan menjaga kebajikan terhadap haiwan. Sekiranya hak tersebut diabaikan, manusia itu dianggap zalim dan akan mendapat dosa.

Sesungguhnya tuntutan ihsan kepada Allah SWT bertepatan dengan hakikat penciptaan insan di muka bumi ini iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT, manakala tuntutan melakukan ihsan terhadap sesama makhluk adalah selari dengan matlamat penciptaan manusia di muka bumi ini iaitu menjadi khalifah. Manusia adalah makhluk mulia yang diberi kelebihan, disebabkan itu mereka diciptakan Allah SWT dengan sempurna dan merupakan sebaik-baik kejadian agar mereka dapat memikul amanah sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi. Allah SWT muliakan anak-anak Adam dengan menjadikan mereka pandai berkata-kata, berakal fikiran, sehingga dapat menguasai dunia dan isinya. Mereka diberikan kemudahan bergerak di darat, di laut dan di udara dengan menggunakan pelbagai jenis kenderaan. Mereka turut diberi rezeki daripada benda-benda yang baik dan lazat serta diberinya kelebihan yang besar berbanding kebanyakan makhluk-makhluk yang lain. Oleh sebab itu, tugas utama manusia di atas muka bumi ini adalah mereka dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mengatur kehidupan manusia di bumi dengan berdasarkan wahyu dan syariat Allah SWT, supaya kehidupan manusia itu teratur dan mempunyai tujuan-tujuan hidup yang suci murni untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Mereka juga bertanggungjawab memakmurkan dunia ini. Para ulama menggariskan makna memakmurkan dunia ini kepada tiga tanggungjawab besar, iaitu tanggungjawab kepada agama, tanggungjawab kepada masyarakat dan tanggungjawab kepada manusia.

Kaedah Mencapai Ihsan

Menurut Mahmood et al. (2020), hakikat ihsan itu tercapai dengan dua perkara iaitu ibadah yang sempurna lagi berterusan dan kehadiran hati, kesedaran jiwa serta penyaksian batin terhadap makna-makna ketuhanan (hakikat-hakikat tauhid) dalam ibadah tersebut. Pendapat yang lain pula mengatakan bahawa cara untuk memperolehi ihsan adalah apabila dia terlebih dahulu melazimi *tazkiyyat al-nafs*. Ini kerana ilmu itu adalah cahaya dan ia tidak akan dikurniakan kepada seorang pelaku maksiat. *Tazkiyyat al-nafs* ialah suatu proses pembetulan dan pendisiplinan diri ke arah yang lebih positif secara dalaman dan luaran menurut acuan agama Islam dengan mengaplikasikan kaedah *al-takhalli* (pembersihan) dan *al-tahalli* (pembentukan) yang bertujuan untuk mencapai tahap ihsan.

Manakala menurut Nor (2019), untuk mencapai ihsan memerlukan hati yang begitu sensitif dengan tuhan, iaitu sentiasa *al-raja'* (mengharapkan) keredaan Tuhan dan *al-khawf* (takut) dengan kemurkaan-Nya. Hati perlu sentiasa bersih kerana menurut Imam al-Ghazali (1998), ketika hati bersih, pada waktu itulah Tuhan menurunkan cahaya-Nya kepada seorang sufi, sehingga yang dilihatnya hanyalah Tuhan. Manusia menyedari bahawa segala sesuatu selain daripada *al-Haqq* tidak memiliki wujud menyebabkan keterikatan mereka dengan dunia terlerai dan hal ini menyebabkan ihsan mudah dicapai.

Seseorang juga akan mencapai tingkat ihsan apabila telah melakukan ibadah seperti yang dilakukan Rasulullah SAW. Sekiranya hal itu telah dicapai oleh seorang hamba, lantas sesungguhnya itulah puncak ihsan dalam ibadah. Pada akhirnya, ia akan berbuah menjadi akhlak atau perilaku, sehingga mereka yang sampai pada tahap ihsan dalam ibadahnya akan terlihat jelas dalam perilakunya (Darmanto, 2019). Mereka tetap ikhlas melakukan kebaikan semata-mata untuk mengharapkan keredaan Allah SWT walaupun tidak dilihat manusia. Walaupun berseorangan, dia juga tetap melakukan perkara yang benar.

Tingkatan atau *maqam* ihsan dapat dicapai oleh mereka yang telah berkomitmen dengan hal-hal yang sunnah apalagi terhadap hal-hal yang wajib (Ibnu Taymiyah, t.th.) sebagaimana takrifan ihsan yang diutarakan oleh Shihab (1998), iaitu memberikan nilai lebih sebagai kebaikan melebihi hak yang harus diterima seseorang. Manusia diwajibkan untuk berlaku adil iaitu memperlakukan pihak lain sesuai dengan haknya tanpa dikurangi atau ditambah, tetapi dengan nilai ihsan, manusia disunatkan untuk memperlakukan pihak lain lebih daripada apa yang menjadi haknya. Ihsan juga dapat dihasilkan oleh seorang hamba iaitu dengan melalui kekuatan ibadah dan pemeliharaan atas hak-hak Allah SWT dan *muraqabah*-Nya, dan dari kemampuannya untuk menghadirkan keagungan-Nya dalam ibadah. Menurut Imam al-Ghazali (1998) lagi, ihsan yang difahami dengan sebenar-benarnya akan menjadikan semua ibadah yang dilakukan menjadi lebih sempurna apabila seorang *'abid* menyempurnakan syarat, rukun, sunnah dan adab-adabnya serta sunyi ibadah mereka daripada perkara yang boleh merosakkan ibadah. Hasilnya, semua ibadah yang dilakukan sesuai dengan kehendak syariat. Sebagai contoh, manusia diwajibkan untuk melaksanakan solat fardu lima waktu pada setiap hari. Manusia yang memeriksa dirinya dan menyedari bahawa diri mereka mempunyai kekurangan serta tidak sempurna dalam memenuhi hak-hak Allah SWT yang diwajibkan atas dirinya akan melakukan solat sunat bertujuan menampung (melengkapi) sebarang kekurangan dalam amalan fardu dalam konteks ihsan dalam urusan ibadah.

Pendapat lain pula mengatakan seorang yang melakukan kebaikan-kebaikan sesuai ajaran Islam tanpa didasari dengan niat melakukan perbuatan baik tersebut kerana Allah SWT, lantas tindakan itu tidak disebut sebagai ihsan (Sari 2017). Menurut Ibn Manzur (t.th.), lawan perkataan ihsan adalah keburukan. Dalam konteks ini, ihsan hendaklah dilakukan dengan keikhlasan iaitu syarat kepada sahnya iman dan Islam. Setiap amal yang tidak ikhlas, tidak dinamakan ihsan dan keimanan yang tidak disertakan dengan ikhlas, belum dinamakan beriman. Dari sudut dalaman, manusia mesti membersihkan hati mereka daripada segala jenis penyakit rohani seperti kemunafikan, kesombongan, keduniaan dan kedengkian. Allah SWT berfirman bahawa tiada siapa yang akan selamat pada hari pembalasan kecuali bagi orang yang datang kepada Allah SWT dengan hati yang bersih. Firman Allah SWT dalam Surah al-Shu'arā', ayat 89, sebagaimana berikut: *إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ*, yang mafhumnya: "Kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih".

Hati dalam erti kata rohani, bukan hati fizikal adalah asas untuk semua tindakan sukarela yang lain. Jika hati benar-benar bersih daripada sifat-sifat *madhmumah*, seluruh amal manusia akan benar. Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Mafhumnya: Sesungguhnya dalam jasad itu ada segumpal daging yang jika baik maka baiklah seluruh jasad, dan jika rosak maka rosaklah seluruh jasad. Sesungguhnya ia adalah hati. Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih (*Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman, bab 39: Keutamaan orang yang meninggalkan segala sesuatu yang meragukan [tidak jelas] demi agamanya, no. 45).

Terdapat pelbagai *wasilah* (cara) yang boleh dilakukan manusia untuk mencapai ihsan. Ahli sufi telah mencapai matlamat tasawuf melalui jalan tarekat iaitu satu perjalanan kerohanian yang khusus kepada para *salik* (pengembara kerohanian) dari pelbagai ujian dan tribulasi (proses *mujahadah*) dalam mendaki *maqam* (kedudukan) dan *ahwal* (keadaan) tertentu (Mahmood et al., 2020). Cara yang kedua adalah melalui kaedah *tazkiyyat al-nafs* (pembersihan jiwa). Dengan memberi perhatian khusus kepada penjagaan dan pemeliharaan unsur diri yang halus (jiwa), kerana dari diri inilah terbitnya tingkah laku luaran dalam bentuk perkataan atau perbuatan. Jiwa perlu dilatih untuk menundukkan hawa nafsu agar keterikatan dengan dunia terlerai sehingga yang dilihatnya hanyalah Tuhan. Hati manusia yang melazimi *tazkiyyat al-nafs* akan sentiasa sensitif dengan Tuhan, iaitu sentiasa memikirkan pandangan Tuhan terhadapnya walaupun dalam sekecil-kecil perkara kerana semuanya akan dihitung oleh Allah SWT (Nor, 2019). Kesimpulannya, cara-cara menghayati ihsan sangat menekankan proses penyucian jiwa untuk membaik pulih dan mendisiplinkan diri ke arah yang lebih positif secara dalaman dan luaran menurut acuan agama Islam dengan mengaplikasikan kaedah *al-takhalli* (pembersihan) dan *al-tahalli* (pembentukan) sehingga mencapai tahap ihsan dan akhlak kenabian.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, konsep ihsan dalam Islam merangkumi dimensi yang luas meliputi aspek definisi, pembahagian dan kaedah pencapaiannya dalam kehidupan seorang Muslim. Dari sudut definisi, ihsan menekankan penghayatan ibadah dengan kesedaran rohani yang tinggi, seolah-olah melihat Allah SWT atau sekurang-kurangnya merasakan pengawasan-Nya. Pembahagiannya pula memperlihatkan bahawa ihsan bukan sahaja terhad kepada *ḥabl min Allāh* (hubungan manusia dengan Allah SWT), tetapi turut meliputi *ḥabl min al-nās* (hubungan sesama manusia) melalui perlaksanaan akhlak yang mulia. Dalam konteks pencapaiannya, ihsan menuntut usaha berterusan melalui proses *tazkiyat al-nafs*, *mujahadah* dan *muraqabah* yang membentuk keperibadian yang seimbang antara zahir dan batin. Oleh itu, penghayatan ihsan bukan sekadar idealisme spiritual, tetapi merupakan asas penting dalam membina masyarakat yang beretika, harmoni dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan kontemporari.

Rujukan

- Ahmad, W. H. S. W., Bakar, R. A. & Ismail, C. Z. (2022). Perbincangan dan penghayatan konsep al-ihsan dalam al-Quran serta muamalah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(43), 208-220.
- Aini, Z. (2018). Pengurusan Islami: Aplikasi ihsan dan insan. *JAUHAR*, 2(1), 18-22.
- al-'Asqalani, A. 'A. (1997). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghawi, H. M. (1997). *Ma 'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Qur'an*. Riyad: Dar Tayyibah
- al-Baqi, M. F. 'A. B. (1981). *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Darmanto, S. (2019). Konsep ihsan dalam *Tafsir al-Ibriz*. Fakultas Ushuludin Adab dan Dakwah, Institut Agama Islam Negeri Tulungagung.
- Firdaus, S. (2011). *Konsep Manusia Ideal dalam al-Qur'an: Studi Profil al-Muhsin dalam Perspektif Tafsir Ayat-ayat Ihsan*. Cet. 1. Tangerang: Makmur Abadi Ciputat.
- al-Ghazali, A. H. M. (1998). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil. 1. Terj. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hamka. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Pan Jimal.
- Ibn Manzur, M. M. (1992). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Manzur, M. M. (t.th.). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadr.
- Kamali, M. H. (2021). What do we owe to our fellow human beings: Ihsan. *The Maydan*. <https://themaydan.com/2021/12/what-do-we-owe-to-our-fellow-human-beings-ihsan/> [akses 20 Disember 2021].
- Mahmood, A. R., Mohamad, A. M. & Khairuddin, W. H. (2020). Konsep tasawwuf dan tarekat menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 4.0 (SUNNI 2020). Anjuran Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 27 Disember.
- Masroom, M. N., Muhammad, S. N. & Panatik @ Abd Rahman, S. A. (2013). Iman, Islam dan ihsan: Kaitannya dengan kesihatan jiwa. Kertas kerja Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13). Anjuran Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam & Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Johor Bahru, Johor, 17-18 September.
- Mesran, M. H. & Jakaria, N. A. (2019). Hubungan penghayatan nilai ihsan dengan prestasi kerja pensyarah di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 2, 23-30.
- Mianoki, A. (2010). Meraih derajat ihsan. *Muslim.or.id*. <https://muslim.or.id/4101meraih-derajat-ihsan.html>
- al-Mubarakfuri, M. 'A. R. (1995). *Muqaddimah Tuhfat al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Munawwir, A. W. (1997). *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia*. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Murata, S. & Chittick, W. C. (1997). *Trilogi Islam: Islam, Iman dan Ihsan*. Terj. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- al-Nadwi, A. H. 'A. (1996). *Rabbaniah La Rahbaniah*. Lucknow: al-Majma' al-Islami al-'Ilmi.
- al-Nawawi, Y. S. (1972). *Sharh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Nor, S. M. (2019). *Tasawuf Satu Pengenalan Asas*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Pamungkas, D. D. (2019). Konsep ihsan dalam al-Qur'an perspektif tasawuf. Tesis Sarjana, Prodi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin dan Studi Agama, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- al-Qushayri, 'A. K. H. (t.th.). *Tafsir al-Qushayri*. Jil. 3-4. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Salamullah, M. A. (2009). *Seri Indahnya Akhlak Islami: Akhlak Hubungan Horizontal*. Yogyakarta: Pustaka Insan Madani.

- Sari, M. (2017). Konsep ikhsan terhadap orang tua menurut Imam al-Ghazali. Skripsi Sarjana, Prodi Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.
- Shihab, M. Q. (1998). *Wawasan al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Pustaka Mizan.
- al-Sindi, M. 'A. H. (1986). *Hashiyat al-Sindi 'ala Sunan al-Nasa'i*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- al-Sughayyir, F. M. (2009). *Meraih Puncak Ihsan*. Jakarta Timur: Darus Sunnah Press.
- Wahid, A. (2016). Konsepsi ihsan perspektif al-Qur'an. IAIN Surakarta, 1-155.